

Semak semula kenaikan tol

KUALALUMPUR—Kerajaan sedang berunding bagi meneliti semula perjanjian konsesi tol dengan syarikat konsesi lebuh raya sekali gus menyemak semula kadar kenaikan tol agar lebih seimbang.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, bagaimanapun, belum ada sebarang kata putus dicapai kedua-dua pihak khususnya Syarikat Konsesi Lebuhraya Utara Selatan, Plus Malaysia Berhad (Plus), hasil perbincangan berkenaan.

Menurutnya, perkara itu kini masih dalam peringkat perbincangan dan kerajaan akan cuba untuk berunding dengan pihak lebuh raya bagi memastikan kadar tol tidak

akan dinaikkan dalam tempoh terdekat.

“Saya sebenarnya tidak mempunyai apa-apa maklumat khusus berkaitan isu ini, tetapi saya percaya kerajaan akan cuba mencari penyelesaian terbaik untuk rakyat amnya.

“Tambahan pula, perjanjian konsesi tol dengan Plus masih mengikut perjanjian terdahulu, yang dijangka tamat pada 31 Disember 2038,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan majlis Penyampaian Kelengkapan Sekolah ‘Kembali ke Sekolah 2017’ Parlimen Titiwangsa.

Hadir sama, Pengarah Urusan Plus, Datuk Noorizah Abd Hamid; Pengarah Urusan Ekovest Berhad, Datuk Seri

Lim Keng Cheng dan Timbalan Ketua Umno Bahagian Titiwangsa, Datuk Affendi Zahari.

Mengenai program tersebut, Johari berkata, 4,000 murid termasuk pelajar sekolah menengah menerima bantuan persekolahan akan datang.

Katanya, jumlah tersebut telah ditambah sebanyak lebih 2,000 murid berbanding 1,500 tahun lalu.

“Bantuan ini merupakan salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) badan korporat dalam membantu meringankan beban ibu bapa. Mereka yang memerlukan akan terus dibela bagi menjamin pendidikan anak-anak tidak akan dipinggirkan,” katanya.



Johari (tengah) bergambar bersama sebahagian dari penerima bantuan pada Program Jom Kembali ke Sekolah anjuran Plus Berhad dan Ekovest Berhad, semalam.